

9. Tulis semula **ERTI PERIBAHASA** di bawah pada peribahasa yang sesuai.

- Orang yang malas tidak akan maju.
- Berada dalam keadaan bahaya.
- Orang yang sombong atau bongkak.
- Ada ciri-ciri menunjukkan kebolehan.
- Orang yang dipandang hina.

a. Ada gaya.

b. Kucing kurap.

c. Hidung tinggi.

d. Malu berkayuh perahu hanyut.

e. Seperti telur di hujung tanduk.

[5 markah]

9. Tulis semula **PERIBAHASA** di bawah pada erti peribahasa yang sesuai.

– Berani malu takut mati.

– Kutu embun.

– Baung di bawah bangkar.

– Tolak ansur.

– Bapa borek anak rintik.

a. _____

Ertinya: Sungutan yang tidak jelas kedengaran.

b. _____

Ertinya: Pengecut.

c. _____

Ertinya: Suka berjalan-jalan hingga jauh malam.

d. _____

Ertinya: Bersikap mahu saling memberi dan menerima.

e. _____

Ertinya: Anak-anak yang mengikut seperti ibu bapanya.

[5 markah]

9. Tulis semula **ERTI PERIBAHASA** di bawah pada erti peribahasa yang sesuai.

- Orang jahat yang menyamar sebagai orang baik.
- Mendengar dengan teliti.
- Ada sesuatu maksud yang tersembunyi di sebalik sesuatu perbuatan.
- Tidak tahu memilih mana yang baik dan mana yang buruk.
- Orang yang tidak mengenang budi.

a. Pasang telinga

b. Mata kotak

c. Musang berbulu ayam

d. Seperti kacang lupakan kulit

e. Ada udang di balik batu

[5 markah]

9. Tulis semula **ERTI PERIBAHASA** di bawah pada peribahasa yang sesuai.

- Perbuatan yang mengada-ngada.
- Perbuatan yang sia-sia.
- Mengambil peluang orang lain.
- Percakapan yang tidak berfaedah.
- Seseorang akan berasa takut kerana kesalahannya, sebaliknya dia berasa berani jika dia benar.

a. Cangkul angin.

b. Banyak lemak.

c. Potong haluan.

d. Takut kerana salah, berani kerana benar.

e. Cakap angin.

9. Tulis semula **ERTI PERIBAHASA** di bawah pada peribahasa yang sesuai.

- Cair.
- Menerima apa sahaja yang ditugaskan.
- Gembira kerana sesuatu.
- Betapa berat kita melihat kesusahan orang lain, berat lagi orang yang menanggung.
- Kalah atau menang sama akibatnya, sama-sama menanggung rugi.

a. Pak sanggup.

b. Senang hati.

c. Jadi air.

d. Kalah jadi abu, menang jadi arang.

e. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

[5 markah]

9. Tulis semula **ERTI PERIBAHASA** di bawah pada peribahasa yang sesuai

- Pemerintahan yang zalim/kejam.
- Keuntungan atau faedah yang diperolehi atau didapati daripada wang yang dipinjamkan atau disimpan di dalam bank.
- Orang yang mempunyai pendengaran yang tajam.
- Membuat sesuatu pekerjaan dengan pantas.
- Tidak bertegur sapa kerana berselisih faham.

a. Bermasam muka.

b. Kuku besi.

c. Lipas kudung.

d. Telinga lintah.

e. Bunga wang.

[5 markah]

9. Tulis semula **ERTI PERIBAHASA** di bawah pada peribahasa yang sesuai.

- Tidak suka bercampur gaul dengan orang lain.
- Orang yang mementingkan diri sendiri.
- Hidup seorang diri.
- Tiap-tiap sesuatu pekerjaan yang hendak dibuat hendaklah difikir terlebih dahulu supaya tidak menyesal pada kemudian hari.
- Orang yang tidak berguna.

a. Kera sumbang.

b. Bangkai bernyawa.

c. Seperti enau dalam belukar yang melepaskan pucuk masing-masing.

d. Sebatang kara.

e. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

9. Tulis semula **ERTI PERIBAHASA** di bawah pada peribahasa yang sesuai.

- Perempuan gemuk yang berjalan lenggang-lenggok.
- Memberi atau mengamalkan rasuah.
- Tidak tahu memilih mana yang baik dan mana yang buruk.
- Sepasang kekasih yang sama cantik, kalau disatukan kelak akan menjadi pasangan yang lebih cantik.
- Berkahwin dengan orang yang tinggi di kampung berlainan.

a. Melangkah sungai.

b. Cupak hanyut.

c. Tumbuk rusuk.

d. Mata kotak.

e. Seperti tanduk bersendi gading.

9. Tulis semula **PERIBAHASA** di bawah pada erti peribahasa yang sesuai.

- Kuku besi.
- Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga.
- Berat sebelah.
- Rambut sama hitam, hati lain-lain.
- Anak bapa.

a. _____

Ertinya: Tiap-tiap orang itu berlainan pendapat.

b. _____

Ertinya: Anak kesayangan bapa.

c. _____

Ertinya: Orang yang bersaudara akan berbaik-baik juga akhirnya walaupun terjadi pertengkaran.

d. _____

Ertinya: Hukuman yang tidak adil.

e. _____

Ertinya: Pemerintahan yang zalim.

[5 markah]

9. Tulis semula **ERTI PERIBAHASA** di bawah pada peribahasa yang sesuai.

- Pakaian yang tinggal pada tubuh seseorang sahaja.
- Seseorang yang melakukan sesuatu tetapi berdiam diri atau berpura-pura tidak tahu.
- Orang yang rajin dan bercita-cita itu akhirnya akan berjaya.
- Kalau tidak ada barang baik, barang yang kurang baik pun boleh dipakai.
- Kata-kata hikmat daripada orang yang bijaksana.

a. Lempar batu sembunyi tangan.

b. Di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

c. Lidah pendeta.

d. Sehelai sepinggang.

e. Tiada rotan akar pun berguna.

9. Tugaskan PERIBAHASA di bawah pada peribahasa yang sesuai.

- Meminta balik barang yang diberikan.
- Bongkok di bahagian atas belakang.
- Mendapat gaji atau upah dengan tidak bekerja atau membuat kerja ringan sahaja.
- Melakukan dua pekerjaan dalam satu masa.
- Pekerjaan yang susah jika biasa dilakukan akan menjadi mudah.

a. Gaji buta.

b. Buruk siku.

c. Alah bisa tegal biasa.

d. Sambil menyelam minum air.

e. Bongkok sabut.

9. Tulis semula ERTI PERIBAHASA di bawah pada peribahasa yang sesuai.

- Suka berjalan hingga jauh malam.
- Seseorang yang berada dalam keadaan yang amat berbahaya.
- Membuat sesuatu pekerjaan atau keinginan biarlah berpadanan dengan kemampuan diri sendiri.
- Mandi yang tidak bersih.
- Seorang ayah atau ibu yang menasihati anaknya supaya berbuat perkara yang baik sedangkan dia sendiri membuat perkara yang tidak baik.

a. Ukur baju di badan sendiri.

b. Seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul.

c. Seperti telur di hujung tanduk.

d. Mandi kerbau.

e. Kacang hantu

[5 markah]

9. Tulis semula **ERTI SIMPULAN BAHASA** di bawah pada simpulan bahasa yang sesuai.

- Bernasib baik.
- Mati yang tidak dipedulikan.
- Merajuk kerana kecewa.
- Kedekut atau lokek.
- Belacan

a. Langkah Kanan

b. Mati Katak

c. Mentega Laut

d. Kecil hati

e. Tangkai Jering
